

TNB salur RM1 juta bantu 5,000 pelajar

Archival News | Berita Harian | 23/11/2019 | A-All

Kuala Lumpur: Lebih RM1 juta dana diperuntukkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi program Ceria Ke Sekolah untuk membantu 5,000 pelajar dari 30 kawasan terpilih di seluruh Malaysia memulakan sesi pembelajaran 2020 dengan lebih sempurna.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, berkata bantuan ini akan disalurkan kepada keluarga berpendapatan isi rumah terendah (B40) atau e-Kasih bagi menyediakan kelengkapan persekolahan anak mereka.

Katanya, pada program itu, TNB menyerahkan set kelengkapan persekolahan kepada setiap pelajar termasuk tudung, baju kurung, kemeja, kain, seluar, stoking, kasut, beg sekolah dan alat tulis.

“Ini sebahagian sumbangan semula kami di TNB kepada masyarakat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), membabitkan tiga bidang utama iaitu pendidikan, sosioekonomi (termasuk sukan) dan pemuliharaan alam sekitar.

“Kita berharap sumbangan ini memberi motivasi kepada pelajar untuk memulakan persekolahan sesi 2020 dengan keceriaan dan kejayaan,” katanya berucap pada majlis penyerahan sumbangan Program Ceria Ke Sekolah di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan TNB, semalam.

Majlis itu dirasmikan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil.

Pada program ini, TNB menyerahkan sumbangan kepada 750 murid membabitkan pelajar sekolah rendah dan menengah dari enam sekolah di sekitar kejiranan Ibu pejabat TNB Bangsar.

Sekolah berkenaan adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Bangsar, SK Bukit Bandaraya, SK Bukit Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bangsar, SMK Bukit Bandaraya, SMK Seri Panati dan pelajar tajaan Program Bantuan Pendidikan B40.

Terdahulu, program ini dikenali sebagai ‘Kembali Ke Sekolah’ dengan inisiatif dan keutamaan untuk menyokong agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.

Sementara itu, Ahmad Fahmi berkata, TNB sering terbabit menjayakan program sebegini bagi berkongsi kemakmuran dengan komuniti di kejirannya.

“Komuniti dan pelajar di Lembah Pantai menerima banyak manfaat daripada TNB melalui pelaksanaan secara berterusan seperti sumbangan untuk surau dan masjid, keluarga miskin, orang kurang upaya serta sebagainya.

“Saya sendiri beberapa kali hadir program CSR TNB termasuk majlis penyerahan sumbangan

barang makanan kepada golongan B40," katanya.

Ahmad Fahmi berkata, program berkenaan dapat mengeratkan lagi hubungan TNB dengan masyarakat setempat dan meringankan beban kewangan golongan sasaran.

(END)

Source By: Berita Harian